




KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN
PROGRAM AKADEMIK
ANJAL



Garis Panduan Pelaksanaan Program Akademik Anjal

© **Kementerian Pendidikan Tinggi**

Hakcipta Terpelihara

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5,
62200 Putrajaya

ISI KANDUNGAN

▶ SINGKATAN	3
▶ GLOSARI	4
▶ 1.0 TUJUAN	5
▶ 2.0 LATAR BELAKANG	5
▶ 3.0 SKOP	5
▶ 4.0 DEFINISI	6
▶ 5.0 CIRI-CIRI	6
▶ 6.0 PELAKSANAAN	7
▶ 7.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	9
▶ 7.1 Tanggungjawab PPT	9
▶ 7.2 Tanggungjawab PTj Akademik	9
▶ 7.3 Tanggungjawab Kakitangan Akademik	8
▶ 8.0 SIMULASI	10
▶ 9.0 PENUTUP	16
▶ RUJUKAN	17

SINGKATAN

CARE	<i>Community Resilience Experiential Learning</i>
CQI	<i>Continuous Quality Improvement (Penambahbaikan Kualiti Berterusan)</i>
EXCEL	<i>Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape</i>
GP	<i>Garis Panduan</i>
IDEAL	<i>Industrial Driven Experiential Learning</i>
IPT	<i>Institusi Pendidikan Tinggi</i>
JPT	<i>Jabatan Pendidikan Tinggi</i>
KPT	<i>Kementerian Pendidikan Tinggi</i>
LMS	<i>Learning Management System</i>
MOOC	<i>Massive Open Online Courses</i>
MQA	<i>Malaysian Qualifications Agency</i>
PAA	<i>Program Akademik Anjal</i>
PdP	<i>Pengajaran dan Pembelajaran</i>
PLO	<i>Programme Learning Outcome (Hasil Pembelajaran Program Akademik)</i>
PPT	<i>Pemberi Pendidikan Tinggi</i>
PTG	<i>Pembelajaran Teradun Gantian</i>
PTj	<i>Pusat Tanggungjawab</i>
SiC	<i>Students in Campus (Pelajar di Dalam Kampus)</i>
SIM	<i>Self-Instructional Materials</i>
SLT	<i>Student Learning Time</i>
SoC	<i>Students off Campus (Pelajar di Luar Kampus)</i>

GLOSARI

Terminologi	Definisi
SiC	<i>Student in Campus (SiC) merujuk kepada keberadaan pelajar di dalam kampus pada sesuatu semester.</i>
SoC	<i>Student off Campus (SoC) merujuk kepada keberadaan pelajar di luar kampus pada sesuatu semester.</i>
Berubah secara terancang	<i>Perubahan pelaksanaan program akademik yang dirancang mengikut ketetapan PPT.</i>
e-proctoring	<i>E-proctoring ialah proses pengawasan ujian atau peperiksaan dalam talian menggunakan teknologi digital bagi memantau aktiviti pelajar dan mencegah salah laku akademik semasa pentaksiran dalam talian.</i>
<i>Experiential Learning and Competency-based Education (EXCEL)</i>	<i>Rekabentuk kurikulum yang berasaskan kepada kompetensi dan pengalaman merangkumi empat (4) tujahan pembelajaran berasaskan pengalaman iaitu IDEAL, REAL, CARE dan POISE.</i>
Hasil Pembelajaran Program (PLO)	<i>Hasil pembelajaran adalah pernyataan tentang apa yang pelajar perlu tahu, faham dan boleh lakukan apabila tamat suatu tempoh pengajian.</i>
Kaedah penyampaian hibrid	<i>Mod PdP yang melibatkan pembelajaran secara fizikal dan dalam talian secara serentak.</i>
Kakitangan Akademik	<i>Pensyarah, penasihat akademik, penyelaras program, guru bahasa, pegawai perkhidmatan pendidikan.</i>
Kaedah Penyampaian	<i>Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan sama ada secara fizikal, dalam talian atau hibrid.</i>
Keberadaan	<i>Lokasi pelajar sama ada di dalam kampus (SiC) atau di luar kampus (SoC).</i>
Masa	<i>Waktu pengajaran dan pembelajaran berlaku</i>
Pentaksiran	<i>Kaedah penilaian kursus dalam program akademik yang melibatkan penilaian formatif dan sumatif.</i>
PTj Akademik	<i>Pusat Tanggungjawab yang merangkumi kolej pengajian, sekolah, fakulti, pusat akademik, entiti akademik atau setarafnya.</i>
Ruang	<i>Tempat di mana pengajaran dan pembelajaran dijalankan.</i>
<i>Self-instructional materials (SIM)</i>	<i>Bahan PdP sendiri yang lengkap dan terancang merangkumi isi kandungan, aktiviti, pentaksiran sendiri, bertujuan menyampaikan ilmu pengetahuan dan mengukuhkan kemahiran.</i>
Warga PPT	<i>Terdiri daripada semua pelajar, kakitangan akademik dan bukan akademik.</i>
IDEAL	<i>Tujahan kurikulum yang berasaskan industri dan melibatkan pembelajaran berdasarkan pengalaman.</i>
CARE	<i>Tujahan kurikulum yang berasaskan komuniti dan melibatkan pembelajaran berdasarkan pengalaman.</i>

1.0 TUJUAN

Garis panduan (GP) ini bertujuan memberikan panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) untuk pelaksanaan Program Akademik Anjal (PAA).

2.0 LATAR BELAKANG

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam surat bertarikh 11 April 2023 (JPT.(A) 1000/001/019/01 Jld.30(19)) telah memaklumkan tentang pelaksanaan sistem pembelajaran anjal di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi program akademik yang berpotensi, bermula sesi akademik 2023/2024. Sistem pembelajaran anjal merujuk kepada program akademik konvensional yang dilaksanakan secara anjal. Antara objektif PAA adalah untuk mengurangkan kos sara hidup pelajar, meningkatkan keterangkuman dan akses pendidikan tinggi, membolehkan pelajar menyusun aktiviti mereka dengan lebih fleksibel dan mengelakkan isu kekurangan penginapan.

3.0 SKOP

GP ini merangkumi empat (4) aspek utama dalam PAA iaitu:

- a) Definisi
- b) Ciri-ciri
- c) Pelaksanaan
- d) Peranan dan Tanggungjawab

GP ini perlu dibaca bersama dengan dokumen terkini yang dikeluarkan oleh JPT dan MQA seperti berikut:

- a) *Code Of Practice For Programme Accreditation: Open And Distance Learning [COPPA:ODL]*, MQA;
- b) Garis Panduan Pembangunan Program Akademik di Universiti Awam, JPT;
- c) Garis Panduan Pembangunan & Pelaksanaan Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*), JPT;
- d) Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran Dalam Talian), JPT; dan
- e) Lain-lain dokumen yang berkaitan.

4.0 DEFINISI

Program Akademik Anjal (PAA) adalah program akademik konvensional yang boleh berubah secara terancang dari segi elemen anjal iaitu keberadaan pelajar, ruang pembelajaran, kaedah penyampaian, masa atau kaedah pentaksiran tanpa mengubah hasil pembelajaran program akademik (PLO).



5.0 CIRI-CIRI

Antara ciri-ciri PAA adalah seperti berikut:

- a) Struktur PAA merangkumi aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang melibatkan keberadaan pelajar di dalam kampus (SiC) dan di luar kampus (SoC) pada sesuatu semester pengajian, di mana, SoC dan SiC tidak boleh digabungkan dalam satu semester. Semester Latihan Industri dalam struktur PAA tidak termasuk dalam kategori SiC atau SoC;
- b) Kurikulum PAA boleh direka bentuk mengikut kerangka program yang bersesuaian, sebagai contoh, kerangka *Experiential Learning and Competency-based Education Landscape* (EXCEL);
- c) Aktiviti PdP dilaksanakan mengikut keberadaan pelajar dengan menggunakan ruang yang kondusif dan masa yang sesuai berdasarkan perancangan program pengajian;
- d) Kaedah penyampaian PAA boleh dilaksanakan sama ada secara fizikal, dalam talian dan/atau hibrid;
- e) Penyediaan bahan PdP yang bersesuaian bagi pelaksanaan PAA yang efektif, sebagai contoh, *Self-Instructional Materials* (SIM), *Massive Open Online Courses* (MOOC), *Micro-credentials* dan sebagainya;
- f) PAA menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran yang bersesuaian mengikut keberadaan pelajar dengan mengambil kira pematuhan kepada integriti akademik, sebagai contoh, penggunaan *e-proctoring* bagi pentaksiran dalam talian, peperiksaan buka buku (*open book examination*), portfolio dan sebagainya; dan
- g) Pelaksanaan PAA adalah tertakluk kepada ketetapan standard program dan standard badan profesional sekiranya berkaitan.

6.0 PELAKSANAAN

Perkara yang perlu dititikberatkan oleh PPT dalam pelaksanaan PAA adalah seperti berikut:

- a) PAA perlu dilaksanakan dengan mengambil kira elemen utama anjal iaitu keberadaan pelajar;
- b) PPT boleh merancang keberadaan pelajar sama ada secara SiC atau SoC mengikut semester sepanjang tempoh pengajian; dan
- c) Pelaksanaan PAA turut mengambil kira elemen anjal seperti dalam Jadual 1.



Jadual 1 - Elemen Anjal

Bil.	Elemen Anjal	SiC	SoC
1.	<i>Keberadaan pelajar</i>	<i>Pelajar berada dalam kampus di lokasi yang ditetapkan.</i>	<i>Pelajar berada di pelbagai lokasi mengikut kesesuaian bagi pembelajaran masing-masing.</i>
2.	<i>Ruang pembelajaran (learning space)</i>	<i>Pelajar mengikuti aktiviti PdP mengikut ruang atau tempat yang ditetapkan, sebagai contoh bilik kuliah, makmal, studio, bengkel dan sebagainya.</i>	<i>Pelajar boleh mengikuti aktiviti PdP di salah satu atau gabungan ruang pembelajaran berikut:</i> <i>(i) ruang pembelajaran dalam talian;</i> <i>(ii) ruang pembelajaran fizikal;</i> <i>(iii) industri atau komuniti dalam kerangka EXCEL</i>
3.	<i>Kaedah Penyampaian</i>	<i>PPT boleh melaksanakan aktiviti PdP menggunakan satu atau gabungan kaedah secara fizikal di dalam kampus, hibrid dan/atau pembelajaran teradun gantian (PTG).</i>	<i>PPT boleh melaksanakan aktiviti PdP menggunakan satu atau gabungan kaedah secara fizikal di luar kampus (contoh di industri, komuniti), hibrid, PTG atau pembelajaran dalam talian (contoh penggunaan LMS, MOOC, kursus Micro-credential).</i>
4.	<i>Masa</i>	<i>Aktiviti PdP dijalankan berdasarkan jadual waktu yang ditetapkan.</i>	<i>Aktiviti PdP boleh dijalankan mengikut kesesuaian.</i>
5.	<i>Kaedah Pentaksiran</i>	<i>PPT perlu mengambil kira keberadaan pelajar dan elemen anjal lain untuk menentukan kaedah pentaksiran.</i>	

Contoh model pelaksanaan PAA boleh didapati dalam Lampiran.

7.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Pelaksanaan PAA memerlukan tindakan dan kerjasama yang kolektif serta holistik daripada pelbagai pihak. Peranan dan tanggungjawab meliputi perkara seperti penyediaan polisi dan peraturan dalam pembangunan PAA. Selain itu, polisi yang dibangunkan perlu jelas dari segi pengurusan, pengoperasian dan penyediaan sistem sokongan melalui pusat-pusat yang berkaitan.

7.1 Tanggungjawab PPT

PPT perlu memastikan setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) yang berkaitan menyediakan semua keperluan pengurusan dan pengoperasian supaya pelaksanaan PAA berjalan dengan baik dan sistematik. PPT juga perlu memaklumkan kepada semua warga PPT mengenai pelaksanaan PAA.

7.2 Tanggungjawab PTj Akademik

- a) Memastikan pelaksanaan polisi dan prosedur yang sesuai dan selari dengan garis panduan PAA;
- b) Menyemak struktur kurikulum agar bersesuaian dengan pelaksanaan PAA dan memastikan perancangan SiC dan SoC dilaksanakan dengan betul;
- c) Memastikan kerangka kursus, isi kandungan, ruang, masa, semester diajarkan supaya sesuai dengan keberadaan pelajar;
- d) Menyediakan latihan dan bimbingan yang mencukupi kepada kakitangan PTj yang terlibat dalam pengendalian PAA;
- e) Memaklumkan kepada pelajar berkaitan pelaksanaan PAA dengan jelas dan memastikan pelajar dapat mengikuti PAA dengan berkesan; dan
- f) Melaksanakan pemantauan dan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) bagi memastikan pelaksanaan PAA yang berkesan.

7.3 Tanggungjawab Kakitangan Akademik

- a) Membuat perancangan dan melaksanakan aktiviti PdP bagi kursus yang berkaitan mengikut keperluan PAA;
- b) Melaksanakan pentaksiran secara telus dan saksama, mengikut keperluan kursus dan program; dan
- c) Melaksanakan pemantauan dan CQI bagi memastikan pelaksanaan PAA yang berkesan.

8.0 SIMULASI

Bagi pelaksanaan PAA, jumlah kredit pembelajaran dalam talian tidak boleh melebihi 60% daripada jumlah kredit bergraduat. Beberapa contoh model simulasi yang menunjukkan pelaksanaan PAA adalah dalam Rajah L1-L4.

Walau bagaimanapun, PPT boleh membangunkan model PAA yang bersesuaian mengikut keperluan.

Rajah L1: Contoh Model Umum PAA

	<i>KEBERADAAN PELAJAR</i>		
<i>PELAKSANAAN</i>	<i>TAHUN 1</i>	<i>TAHUN 2</i>	<i>TAHUN 3 / TAHUN 4</i>
	<i>SiC / SoC</i>	<i>SiC / SoC</i>	<i>SiC / SoC</i>
	<i>KAEDAH PENGAJARAN</i>		
<i>PELAKSANAAN</i>	<i>TAHUN 1</i>	<i>TAHUN 2</i>	<i>TAHUN 3 / TAHUN 4</i>
	<i>Technological Rich Instruction / Blended Learning / Self Learning</i>	<i>Technological Rich Instruction / Blended Learning / Self Learning</i>	<i>Technological Rich Instruction / Blended Learning / Self Learning</i>
	<i>MODEL PEMBELAJARAN</i>		
<i>PELAKSANAAN</i>	<i>TAHUN 1</i>	<i>TAHUN 2</i>	<i>TAHUN 3 / TAHUN 4</i>
	<i>Flexi Model / Self Blend Model</i> <i>(allow students to choose environment their environment to learn) / Self Pace Learning</i>	<i>Flexi Model / Self Blend Model</i> <i>(allow students to choose environment their environment to learn) / Self Pace Learning</i>	<i>Flexi Model / Self Blend Model</i> <i>(allow students to choose environment their environment to learn) / Self Pace Learning</i>
	<i>KREDIT</i>		
<i>PELAKSANAAN</i>	<i>TAHUN 1</i>	<i>TAHUN 2</i>	<i>TAHUN 3 / TAHUN 4</i>
	<i>42</i>	<i>42</i>	<i>36</i>
<i>JUMLAH KREDIT</i>	<i>120</i>		

Tahun Pengajian	Tahun 1			Tahun 2			Tahun 3			
Semester	Sem 1	Sem 2	Jumlah Kredit	Sem 3	Sem 4	Jumlah Kredit	Sem 5	Sem 6	Sem 7	Jumlah Kredit
Keberadaan Pelajar	SiC	SiC		SoC	SoC		SiC	SiC	Industri	
Kursus Konvensional	8	12	20	0	0	0	9	0	0	9
Latihan Industri	0	0	0	0	0	0	0	0	6	6
Kursus Teradun (30% - 79% SLT dalam talian)	7	5	12	0	0	0	8	18	0	26
Kursus Dalam Talian (Melebihi 80% SLT Dalam Talian)	3	3	6	18	20	38	3	0	0	3
Jumlah Kredit	18	20	38	18	20	38	20	18	6	44

Perkara	Kredit	%
SiC	76	63.3
SoC	38	31.7
Latihan Industri	6	5.0

+

Perkara	Kredit	%
Kursus Konvensional	29	24.2
Kursus Teradun	38	31.7
Kursus Dalam Talian	47	39.1

×

Jadual 1: Contoh Simulasi Model Umum PAA

Tahun Pengajian	Tahun 1			Tahun 2			Tahun 3			
Semester	Sem 1	Sem 2	Jumlah Kredit	Sem 3	Sem 4	Jumlah Kredit	Sem 5	Sem 6	Sem 7	Jumlah Kredit
Keberadaan Pelajar	SiC	SiC		SoC	SoC		SiC	SiC	Industri	
Kursus Konvensional	8	12	20	0	0	0	6	0	0	6
Kursus Teradun (30% - 79% SLT dalam talian)	7	5	12	0	0	0	5	12	0	17
Kursus Dalam Talian (Melebihi 80% SLT Dalam Talian)	3	3	6	15	20	35	3	0	0	3
CARE	0	0	0	3	0	3	6	6	6	18
Jumlah Kredit	18	20	38	18	20	38	20	18	6	44

Perkara	Kredit	%
SiC	76	63.3
SoC	38	31.7
Industri	6	5.0

Perkara	Kredit	%
Kursus Konvensional	26	21.7
Kursus Teradun	29	24.2
Kursus Dalam Talian	44	36.6
CARE	21	17.5

Jadual 2: Contoh Simulasi Model Umum PAA- CARE

Tahun Pengajian	Tahun 1			Tahun 2				Tahun 3		
Semester	Sem 1	Sem 2	Jumlah Kredit	Sem 3	Sem 4	Sem 5	Jumlah Kredit	Sem 6	Sem 7	Jumlah Kredit
Keberadaan Pelajar	SiC	SiC		SiC	SoC	SoC		Industri	Industri	
Kursus Konvensional	8	12	20	3	0	0	3	0	0	9
Kursus Teradun (30% - 79% SLT dalam talian)	8	5	13	9	0	0	9	0	0	0
Kursus Dalam Talian (Melebihi 80% SLT Dalam Talian)	3	3	6	6	18	9	33	0	0	0
IDEAL	0	0	0	0	0	0	0	18	18	36
Jumlah Kredit	19	20	39	18	18	9	45	18	18	45

Perkara	Kredit	%
SiC	57	47.5
SoC	27	22.5
Industri	36	30.0

Perkara	Kredit	%
Kursus Konvensional	23	19.2
Kursus Teradun	22	18.3
Kursus Dalam Talian	39	32.5
IDEAL	36	30.0

Jadual 3: Contoh Simulasi Model Umum PAA-IDEAL

Rajah L2: Contoh Model PAA 1 – UiTM

TEMPOH PENGAJIAN: 3 TAHUN

(6 Semester Panjang dan 2 Semester Pendek)

MODEL A	TAHUN 1			TAHUN 2			TAHUN 3	
	Sem 1	Sem 2	SP 1 (Ogos-Okt)	Sem 3	Sem 4	SP 2 (Ogos – Okt)	Sem 5	Sem 6
Model Anjal	SiC	SoC	SiC	SoC	SoC	Latihan Industri		
Kaedah PdP	BL & Non BL	BL	BL & Non BL	BL	BL			

Semester	Model Anjal	Bil. Semester	Semester Terlibat
Panjang	SiC (BL & Non-BL)	4	1,2,3,4
	LI (BL/ Industri)	1	6
Pendek (SP)	SoC (BL)	3	SP 1, SP 2, 5

Nota Penting:

- 1 tahun pengajian = maksimum 43 minggu (17+7+9 minggu).
- Beban pembelajaran pelajar bagi satu (1) tahun pengajian adalah maksimum sebanyak 50 kredit (20+20+10).
- Jumlah kredit maksimum bagi satu (1) semester adalah 20 kredit.
- Sesi pengambilan pelajar adalah berdasarkan kepada bilangan sesi/semester yang ditawarkan dalam satu (1) tahun pengajian.
- BL (SoC/SiC) – Blended learning 100%, face-to-face, hybrid.
- Non-BL(SiC) – Fizikal sepenuhnya.

Rajah L3: Contoh Model PAA 2 – UiTM

TEMPOH PENGAJIAN: 3 TAHUN

(6 Semester Panjang dan 1 Semester Pendek)

Model B	Tahun 1			Tahun 2			Tahun 3	
	Sem 1	Sem 2	SP 1	Sem 3	Sem 4	SP 2	Sem 5	Sem 6
Model Anjal	SiC		SiC	SoC	SiC	Latihan Industri		
Kaedah PdP	BL & Non-BL		BL & Non-BL	BL	BL & Non-BL			

Semester	Model Anjal	Bil. Semester	Semester Terlibat
Panjang	SiC (BL & Non-BL)	5	1,2,3,4,5
	LI (BL/ Industri)	1	6
Pendek (SP)	SoC (BL)	1	SP 2

Nota Penting:

1. BL (SoC/SiC) – Blended learning 100%, face-to-face, hybrid.
2. Non-BL(SiC) – Fizikal sepenuhnya.

9.0 PENUTUP

PPT yang berhasrat untuk melaksanakan PAA perlu merujuk Garis Panduan Pelaksanaan Program Akademik Anjal ini bagi mematuhi ciri-ciri pelaksanaan PAA. Pelaksanaan PAA yang berkesan akan dapat menyokong inisiatif JPT, KPT terutama dalam mengatasi kos sara hidup pelajar, meningkatkan keterangkuman dan akses pendidikan tinggi.



RUJUKAN

Advisory Note No. 1/2023, MQA - Fleksibiliti Kaedah Penyampaian Secara Konvensional Program Pendidikan Tinggi.

Code Of Practice For Programme Accreditation: Open And Distance Learning [Coppa:ODL], MQA, 2019

EXCEL: Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape, Department of Higher Education, Ministry of Education, 2021

Garis Panduan Pembangunan & Pelaksanaan Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) 2020.

Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran Dalam Talian), JPT, KPM, 2019.

Garis Panduan Pentaksiran Alternatif, JPT, KPT, 2022.

Garis Panduan Pembelajaran Hibrid, JPT, KPT, 2023.

Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT), 11 April 2023.

Surat Pemakluman Pelaksanaan Anjal di Institut Pendidikan Tinggi (JPT.(A) 1000/001/019/01 Jld. 30(19)), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), 2023.



Penyunting

Prof. Ir. Dr. Ahmad Kamal Ariffin Bin Mohd Ihsan
Prof. Ts. Dr. Noor Maizura Binti Mohamad Noor

Penulis

Prof. Ir. Dr. Khairul Salleh Bin Mohamed Sahari
Prof. Ts. Dr. Wardah Binti Tahir
Prof. Ts. Dr. Miss Laiha Binti Mat Kiah
Prof. Ir. Dr. Rozita Binti Yusoff
Prof. Madya Dr. Azidah Binti Abu Ziden
Prof. Madya Ts. Dr. Izwan Nizal Bin Mohd Shahraneer
Prof. Madya Ts. Dr. Syadiah Nor Binti Wan Shamsuddin
Prof. Madya Dr. Mohd Zailani Bin Mohd. Yusoff
Prof. Madya Ir. Dr. Hayati Binti Abdullah
Prof. Madya Dr. Noor Azah Samsudin
Prof. Madya Dr. Rosli Bin Omar
Prof. Madya Dr. Nurbiha Binti A Shukor
Prof. Madya Dr. Mohamad Najmi Bin Masri
Prof. Madya Dr. Siti Nor Khadijah Addis
Prof. Madya Dr. Normah Binti Jusoh
Prof. Madya Ts Dr Anuar Mohd Yusof
Prof. Madya Ir. Dr. Ruslizam Bin Daud
Prof. Madya Dr. Madihah S. Abd. Aziz
Prof. Madya Ts. Dr. Suriyani Binti Ariffin
Prof. Madya Ts. Dr. Norshahriah Binti Abdul Wahab
Prof. Madya Dr. Muhamad Faiz Bin Md Din
Prof. Madya Dr. Mohd Shakir Bin Md Saat
Dr. Denis Andrew D. Lajium
Dr. Shahreza Bin Md. Sheriff
Dr. Mohd Hafiz Bin Abu Hassan
Prof. Madya Ts. Dr. Zulkefli Mansor
Prof. Madya Dr. Rozmie Razif Bin Othman
Dr. Sureena Binti Abdullah
Ts. Dr. Md Rizal Bin Othman
Dr. Raini Hassan
Dr. Nur Tahirah Binti Razali
Dr. Farahiyah Binti Mohammad
Dr. Mas Nida Md. Khambari
Puan Umikalsom Binti Mohd Yusoh

Sekretariat

Encik Chandra Mohgan a/l Lechman
Puan Tamil Selvi a/p Virasinggam
Puan Chong Xin Wei



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN
PROGRAM AKADEMIK
ANJAL
